

DOI: [10.51377/azjaf.vol2no2.66](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no2.66)

TRAINING PROGRAM IN DEVELOPING ASNAF IN SELANGOR

PROGRAM LATIHAN DALAM MEMBANGUNKAN ASNAF DI SELANGOR

MUHAMMAD FIRDAUS B HJ SUHAIMI

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. E-mail: firsuhaimi@ymail.com

ABDUL GHAFAR DON (Profesor Madya Dr.)

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. E-mail: a.g.don@ukm.edu.my

ANUAR PUTEH

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. E-mail: anteh@ukm.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 5TH JUNE 2021: REVISED – 29TH AUG. 2021: ACCEPTED – 1ST SEPT. 2021)

ABSTRACT

Asnaf is a group of people who are often associated with problems in life such as poverty, destitution, burden of life and ignorance. Poverty and destitution can lead them to get caught up in unhealthy and destructive elements. Their pressing living conditions need to be helped with the aim of lifting the burden, removing from the shackles of poverty and destitution. However, at the same time they need to be given training in order to get out of the cocoon of poverty and no longer depend on zakat assistance. This article aims to analyse aspects of asnaf development in Selangor through training programs implemented by the Lembaga Zakat Selangor or Selangor Zakat Board (LZS) with special reference to fakir and miskin (poor and destitute) asnaf. This study is a qualitative study by employing case study design. Interview method was used to obtain information by interviewing Dr Hajah Adibah Binti Abd Wahab Head of Asnaf

Development Division LZS (MAIS) and Deputy Head of Asnaf Development Division Encik Nurhisham Bin Shamsir to to find out the purpose and form of training given to asnaf zakat in Selangor. The study found that LZS has implemented training development programs in the form of entrepreneurship and economics programs, spirituality and career development. These programs are designed specifically for the purpose of removing asnaf from poverty and destitution as well as building a noble personality by no longer expecting assistances from the Selangor Zakat Board.

Keywords: Asnaf Development; Lembaga Zakat Selangor; Training Programme; poverty; destitution.

ABSTRAK

Golongan asnaf adalah kumpulan masyarakat yang seringkali dikaitkan dengan masalah dalam kehidupan seperti kemiskinan, kemelaratan, beban hidup dan kejahanan. Faktor kefakiran dan kemiskinan ini boleh mendorong mereka kepada terjebak dalam anasir yang tidak sihat dan merosakkan. Keadaan hidup mereka yang mendesak perlu dibantu dengan tujuan meringankan bebanan, mengeluarkan dari belenggu kefakiran dan kemiskinan. Bagaimanapun dalam masa yang sama mereka perlu diberi latihan agar dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan tidak lagi bergantung kepada bantuan zakat. Artikel ini bertujuan menganalisis aspek pembangunan asnaf di Selangor melalui program latihan yang dilaksanakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan tumpuan kajian terhadap asnaf fakir dan miskin. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah temu bual digunakan bagi mendapat data kajian dengan menemu bual Dr Hajah Adibah Binti Abd Wahab Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf LZS (MAIS) dan Timbalan Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Encik Nurhisham Bin Shamsir bagi mengetahui tentang tujuan dan bentuk latihan yang diberikan kepada asnaf zakat di Selangor. Kajian mendapati LZS telah melaksanakan program-program pembangunan latihan dalam bentuk program keusahawanan dan ekonomi, program kerohanian dan pembangunan kerjaya. Program-program ini dirangka khusus bagi tujuan mengeluarkan asnaf dari kefakiran dan kemiskinan di samping

membina keperibadian yang mulia dengan tidak lagi terlalu mengharapkan bantuan dari Lembaga Zakat Selangor.

Kata Kunci: Pembangunan Asnaf; Lembaga Zakat Selangor; Program latihan; Kemiskinan; Kemelaratan.

PENGENALAN

Asnaf adalah kelompok masyarakat yang mendapat perhatian Islam melalui peruntukan zakat. Golongan fakir miskin adalah antara asnaf yang paling mendapat perhatian masyarakat kerana kefakiran dan kemiskinan mereka. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh institusi zakat dan masyarakat awam di negara ini telah mengurangkan beban kesusahan mereka untuk sementara waktu. Ia tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan mereka untuk jangka masa panjang. Mereka perlu dibimbing dan diberikan latihan dengan dua matlamat, iaitu mengubah sikap mereka daripada terlalu bergantung kepada bantuan zakat dan mengeluarkan mereka daripada kefakiran dan kemiskinan sehingga berupaya pula memberi bantuan kepada orang lain yang memerlukan. Sekiranya latihan dan bimbingan ini berjaya menjadikan asnaf boleh berdikari tanpa bantuan orang lain dan menjadi penyumbang kepada zakat, ia akan memberi impak yang baik kepada pembangunan dakwah. Ini kerana perkembangan dan pembangunan dakwah antara lain juga ditentukan oleh faktor kekuatan ekonomi umat Islam dan kesejahteraan hidup yang dinikmati.

Di Malaysia, tanggungjawab menguruskan pungutan dan pengagihan zakat terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam Terengganu. Terdapat beberapa negeri yang menswastakannya dan meletakkan pengurusan pungutan dan agihan zakat di bawah badan yang khusus seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Sabah, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Pusat Zakat Melaka (Sanep Ahmad et.al., 2006). Dan setiap Pusat Zakat Negeri menggembung tenaga bagi menujuhkan Pusat Latihan Asnaf dilihat memberikan banyak manfaat dalam pembangunan manusia,

seterusnya mengeluarkan mereka dari garisan kemiskinan dan kefakiran selamanya.

Kajian ini cuba mengetengahkan program pembangunan latihan yang dilaksanakan Divisyen Pembangunan Asnaf (LZS) kepada golongan asnaf di Negeri Selangor sebagai inisiatif mengeluarkan asnaf fakir miskin dari belenggu kemiskinan seterusnya membina kesejahteraan hidup mereka.

KEDUDUKAN ASNAF FAKIR MISKIN DALAM ISLAM

Golongan asnaf mendapat perhatian khusus dalam Islam melalui peruntukan zakat. Mereka ialah golongan yang ditentukan oleh Allah layak menerima zakat dan sedekah. Zakat tidak boleh dibahagikan oleh pihak berkuasa mengikut pertimbangan sendiri melainkan yang telah ditentukan Allah di dalam al-Quran. Bagi golongan fakir miskin, Islam telah meletakkan mereka pada kedudukan yang paling utama sebagai orang yang berhak menerima zakat. Keistimewaan dan keutamaan mereka dalam status sebagai penerima zakat telah dinyatakan dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Al-Qur'an, Surah al-Tawbah, 9 : 60)

Fakir bererti orang yang tidak mempunyai harta dan tidak ada mata pencarian. Walaupun mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas. Mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah. Allah memberi gambaran tentang keperluan menyantuni golongan ini di dalam al-Quran:

Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendarangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin (Al-Qur'an Surah al-Hajj, 22: 28)

Miskin pula bererti orang yang mempunyai harta atau mata pencarian tetapi hanya mampu menampung keperluan semasa sahaja dan ia masih tidak dapat memenuhi keinginannya sendiri atau ahli keluarganya. Golongan ini tidak wajib menuaikkan ibadah yang berkaitan dengan harta seperti zakat dan haji, bahkan mereka berhak menerima sebahagian dari zakat dan fitrah. Golongan ini disebut dalam al-Quran:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membala dengan sebaik-baiknya) (Al-Qur'an Surah al-Baqarah, 2: 215).

KONSEP LATIHAN DALAM ISLAM

Zafir (2002) menyatakan bahawa latihan merupakan prosedur terancang yang diikuti oleh seseorang bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran bagi tujuan dan kepentingan tertentu. Berdasarkan takrif ini, program latihan hendaklah memberikan fokus dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta. Sementara itu, Khairunneezam (2004) memberikan takrif yang holistik berkaitan latihan iaitu:

1. Latihan merupakan satu proses pembelajaran yang sistematik dan terancang untuk para pekerja dalam sesebuah organisasi;
2. Latihan mempunyai prosedur-prosedur pelaksanaan tersendiri yang bertujuan untuk mengurangkan jurang prestasi kerja semasa bekerja dengan prestasi kerja yang diharapkan oleh organisasi;
3. Latihan bertujuan mempertingkatkan dan menambah nilai pengetahuan, memantapkan kemahiran kerja dan mengubah sikap (*KSA-knowledge, skills and attitude*) yang diperlukan oleh pekerja;
4. Latihan kebiasaannya berorientasikan keperluan dan kepentingan jangka pendek atau kesan atau perubahan diharapkan akan berlaku sejurus selepas seseorang pekerja tamat mengikuti satu-satu program latihan.

Berdasarkan takrif-takrif tersebut, dapatlah difahami bahawa latihan adalah bertujuan membina dan meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran seterusnya mengubah sikap pelatih supaya dapat memberi impak yang baik kepada organisasi dari sudut imej dan produktiviti. Takrif dan konsep latihan ini adalah selaras dengan ajaran Islam yang menganjurkan agar manusia bekerja dan melakukan perubahan ke arah yang lebih baik bagi mencapai kebahagiaan hidup individu dan masyarakat.

Beberapa istilah mempunyai kaitan secara langsung dengan latihan dalam Islam. Antara istilah yang biasa digunakan bagi merujuk kepada latihan ialah ‘*tamrin*’ dan ‘*ta’dib*’. Menurut Muhammad Naquib Al-Attas (1991) perkataan *ta’dib* berasal dari akar kata “*adab*”. “*Adab*” menurut Al-Attas ialah asas kepada proses pendidikan dan latihan. *Adab* akan menjadikan seseorang berdisiplin sama ada dari sudut mental mahupun fizikal atau tubuh badan. Pembangunan latihan dalam Islam bermula dengan tumpuan membangunkan manusia dalam aspek kerohanian dan moral yang kemudiannya akan termanifestasi ke dalam bentuk atau aspek fizikal. Mastura dan Sharil (2018) menyatakan bahawa latihan dan pembangunan hendaklah dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kepercayaan atau iman terhadap Tuhan. Apa yang diutarakan oleh Mastura dan Shahril ini mempunyai asas yang jelas di mana peningkatan dan pengukuhan

iman seseorang terhadap Allah akan mendorong seseorang untuk maju, lebih progresif dan cemerlang dengan berusaha mengubah kehidupan mereka.

Pembangunan latihan Islam juga bersifat sepada. Ini selaras dengan pandangan Syukri Salleh (1990) yang menyatakan bahawa pembangunan dan latihan berteraskan Islam merujuk kepada satu proses pembangunan yang komprehensif, bersepada dan seimbang. Ia melibatkan semua aspek kehidupan seseorang, baik di peringkat individu maupun komuniti. Ia merangkumi aspek pembangunan rohani dan jasmani. Ia juga lahir daripada pelaksanaan fungsi individu dalam institusi sebagai hamba Allah SWT dalam perspektif perhubungan menegak (*habl min Allah*) dan khalifah Allah SWT dalam perspektif hubungan mendatar (*habl min al-Nas*). Selain memberi fokus kepada aspek dalaman (iman dan kepercayaan), aspek luaran juga penting dalam pembangunan insan. Justeru, penumpuan latihan Islam turut diberikan kepada aspek peningkatan ilmu dan kemahiran (knowledge and skills). Peningkatan ilmu mempunyai kaitan dengan minda. Justeru, untuk merubah kehidupan, ia bermula dengan perubahan minda. Seseorang perlu mempunyai set minda yang betul (the right mind-set). Set minda yang betul akan menghasilkan sesuatu yang berkualiti.

Konsep latihan dalam membangunkan manusia kepada kehidupan yang lebih baik telah diisyaratkan Allah dalam al-Qur'an melalui wahu pertama kepada Rasulullah S.A.W melalui budaya '*iqra'* (membaca) sebagaimana termaktub dalam Surah al-'Alaq, ayat 1 dan ayat 3. Membaca sebagaimana ditegaskan dalam ayat ini adalah sebahagian daripada proses latihan bagi melahirkan insan yang berilmu, beradab dan berbudaya dalam masa yang sama menghapuskan kejihilan yang menjadi punca kepada pelbagai masalah kehidupan. Selain daripada itu, Islam juga menggesa umatnya supaya membuat persediaan dari sudut kekuatan (*quwwah*) sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Anfal, ayat 60 yang antara lain boleh difahami dengan maksud latihan. Ini kerana latihan akan membina keyakinan, dan kekuatan (pengetahuan, kemahiran) seseorang dalam tugasnya.

Berkaitan dengan aspek latihan ini juga, Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an dalam Surah al-Tawbah ayat 122 yang bermaksud:

“Dan tidak sepatutnya mukmin itu semuanya pergi (ke medan perang). Mengapa sebahagian daripada setiap golongan di antara mereka tidak pergi untuk memperdalam pengetahuan agama mereka dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali, agar mereka dapat menjaga dirinya”

Konsep ‘*tafaqqub fi al-Din*’ (memperdalam pengetahuan agama) dalam ayat ini menunjukkan bahawa Islam menekankan kepentingan dan keperluan aspek kefahaman dan pengetahuan sebagai sebahagian daripada proses dan komponen dalam latihan yang boleh meningkatkan kualiti diri petugas Islam. Ia terus relevan dalam konteks pembangunan latihan kini dalam rangka meningkatkan tenaga kerja dan petugas Muslim yang kompeten.

Latihan dalam Islam Muhammadhusnee Yanya (2018) bertujuan membina kemahiran tentera Islam menggunakan peralatan perang bagi mempertahankan agama, mengalahkan musuh dan berjihad. Pertandingan yang dianjurkan pada zaman Baginda antaranya ialah menunggang kuda, unta, memanah, bergusti dan berlumba lari.

Berdasarkan asas dan fakta yang disebutkan berkaitan latihan, jelas Islam memberikan penekanan dan keperluan latihan melalui proses dan komponen tertentu seperti pengetahuan, kemahiran dan pembinaan sikap yang positif. Konsep *iqra'*, *tafaqqub fi al-Din*, *ta'dib*, *tamrin* dan *al-isti'dad bi al-quwwah* (persediaan dengan kekuatan) menunjukkan konsep latihan Islam yang bersifat komprehensif bagi melahirkan umat dan petugas Islam yang holistik dan kompeten.

LATIHAN ASNAF DALAM PEMBANGUNAN ASNAF DI SELANGOR

Latihan pembangunan asraf dalam Islam bertujuan mendidik, membimbing dan memandu seseorang itu kepada satu keadaan yang lebih baik. Ini selaras dengan konsep hijrah dan konsep *al-taghyir* dalam Islam yang menuntut umatnya berhijrah dan berubah ke arah kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, latihan bagi asraf fakir dan miskin sangat penting bagi merubah sikap dan mengeluarkan mereka

dari kepompong kemelaratan dan kemiskinan. Ini kerana kemiskinan boleh menjadi faktor menyumbang kepada kekufuran. Model latihan yang dilaksanakan hari ini oleh institusi zakat adalah mengambil inspirasi bimbingan Rasulullah SAW supaya seseorang tidak terlalu bergantung harap kepada bantuan dan sumbangan orang lain. Sebaliknya mereka hendaklah berusaha merubah kehidupan mereka dengan berusaha melaksanakan ikhtiar hidup sendiri demi kelangsungan hidup.

“Sesungguhnya seseorang di antara kamu yang berpagi-pagi dalam mencari rejeki, memikul kayu kemudian bersedekah sebagian darinya dan mencukupkan diri dari (meminta-minta) kepada orang lain, adalah lebih baik berbanding meminta-minta kepada seseorang, yang mungkin diberi atau ditolak” (al-Bukhari, t.th. juz. II: 54).

Rasulullah sering mengarahkan orang yang datang meminta supaya mereka bekerja. Kisah kedatangan seorang fakir yang datang meminta-minta kepada Rasulullah telah menjadi asas kepada pembangunan asnaf melalui latihan pada masa kini. Baginda ketika didatangi lelaki tersebut telah bertanya: "Adakah anda memiliki sesuatu?" "Tidak", kata lelaki itu. Baginda bertanya lagi dengan bersungguh-sungguh, lalu lelaki itu menjawab: "Saya ada sehelai hamparan yang separuhnya kamijadikan alas duduk dan separuhnya lagi kami buat selimut dan ada sebuah mangkuk yang kami gunakan untuk minum". Maka Rasulullah bersabda kepadanya: "Bawakan kedua benda itu kepada saya". Lalu dibawanya kedua barang itu, kemudian Rasulullah tunjukkan barang tersebut kepada orang yang berada di sisi Rasulullah kalau ada siapa yang hendak membelinya. Akhirnya Rasulullah dapat menjual barang tersebut dengan harga dua dirham dan wang tersebut diberikan kepada lelaki itu sambil berkata: "Belilah makanan untuk keluargamu dengan satu dirham dan satu dirham lagi belikanlah sebilah kapak". Kemudian Rasulullah SAW meminta lelaki itu datang lagi, lalu lelaki itu pun datang dan Rasul telah membubuhkan hulu kapak itu dan menyuruh lelaki itu pergi mencari kayu api sambil baginda mengatakan kepada lelaki itu supaya lelaki itu tidak akan berjumpa lagi dalam 15 hari. Lelaki itu pergi dan

kembali lagi selepas 15 hari sambil membawa 10 dirham, lalu ia berkata: "Wahai Rasulullah, Allah telah memberkati saya pada kerja yang telah tuan perintahkan kepada saya." Maka baginda Rasulullah SAW bersabda: "Itu adalah lebih baik daripada anda datang pada hari kiamat kelak sedang pada muka anda bertanda kerana meminta-minta"

Model bimbingan dan latihan Rasulullah tersebut telah berjaya mengubah kehidupan asnaf fakir tersebut dalam dua aspek. Pertama baginda berjaya mengangkat maruah dan martabat fakir tersebut melalui dengan tidak lagi meminta-minta dan mengharapkan bantuan orang lain untuk sara kehidupan. Kedua, motivasi dan bimbingan Rasulullah SAW telah Berjaya mengeluarkan fakir tersebut daripada kehidupannya yang fakir dan mampu menyara diri dan keluarga.

Tujuan utama latihan diberikan pada golongan asnaf iaitu untuk meningkatkan kualiti serta kesejahteraan hidup, termasuklah kepada golongan yang dikategorikan sebagai fakir dan miskin. Latihan asnaf ini hendaklah memberikan fokus yang mendalam dan lebih tersusun dengan melihat pada potensi, minat serta kecenderungan golongan asnaf tersebut untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Justeru latihan asnaf diharap mampu mengeluarkan golongan fakir dan miskin dari kemelaratan dan kemiskinan, agar mereka selesa menjalani kehidupan lebih baik tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada bantuan yang dihulurkan dan meminta-minta, sekaligus memberikan mesej baik dalam Agama Islam itu sendiri, agar berusaha untuk berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Pembangunan latihan asnaf di Selangor telah diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor melalui Divisyen Pembangunan Asnaf (DPA). Tujuan diwujudkan DPA ialah untuk memperkasa pengurusan pembangunan asnaf, agar lebih berfokus dan tersusun, dan seterusnya memberikan jalan keluar selamanya dari kepompong kemiskinan kepada golongan asnaf di Negeri Selangor (LZS 2021). Berdasarkan asas dan tujuan ini, LZS melalui DPA telah melaksanakan program-program latihan dalam mencapai matlamat tersebut, iaitu:

1. Pembangunan Ekonomi Usahawan

Program Pembangunan Ekonomi yang dilaksanakan oleh LZS (MAIS) bertujuan menyediakan peluang bagi Usahawan Asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Bantuan yang disediakan termasuk modal perniagaan, perikanan, pertanian, pembiakan dan modal pusingan (putaran). Justeru untuk memberikan modal tersebut LZS terlebih dahulu mengadakan pemilihan serta syarat-syarat yang sangat ketat agar sumbangan yang diberikan tepat pada sasaran yang diingini, iaitu membangunkan ekonomi ummah. Oleh itu, menurut En. Nurhisham Shamsir, Timbalan Ketua Pembangunan Asnaf LZS, asnaf berkaitan haruslah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh amanah dan dedikasi (Temu bual 2 Mac 2021). Bagi menjana ekonomi asnaf fakir miskin, LZS mengambil inisiatif dengan menyediakan modal untuk keperluan perniagaan, melaksanakan program motivasi dan menawarkan kursus-kursus yang sesuai dengan kemahiran dan keperluan asnaf. Menurut En. Nurhisham lagi jenis bantuan perniagaan bagi melahirkan usahawan dalam kalangan asnaf ialah Pertanian Kebun sayur, orkid, penternakan kambing dan lembu, perikanan laut dan ikan air tawar, perkhidmatan bengkel kenderaan, Spa & salon, van sekolah, teksi, tadika/ taska, dobi, jahitan, kedai pakaian, pemakanan kedai makan, lori makan bergerak (Asnaf Entrepreneur), tepung serba guna, cili giling dan kerepek. Bagi tujuan pemasaran, LZS juga telah membantu asnaf dari sudut pengiklanan melalui media massa, media sosial dan pelbagai platform yang lain. Bagi memastikan program ini berjalan dengan baik dan berkesan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa khususnya melalui sistem *mentoring* atau program mentor mentee. Selain itu, sebagai mengiktiraf asnaf yang berjaya, LZS juga mengadakan majlis khas bagi meraikan asnaf dan juga sebagai satu testimoni asnaf terhadap kejayaan mereka.

2. Pembangunan Kerohanian

Islam memberikan penekanan penting kepada aspek pembangunan rohani atau spiritual. Mesej Islam melalui pernyataan ayat-ayat al-Qur'an tentang kepentingan pembangunan rohani antaranya ialah

dalam Surah al-Shams, ayat 7-10) di mana Allah berfirman yang bermaksud:

Demi jiwa dan penyempurnaan (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Dalam ayat di atas, setelah Allah SWT bersumpah dengan matahari, bulan, siang, malam, langit, dan bumi, Allah bersumpah atas nama jati diri/jiwa manusia dan penciptaannya yang sempurna. Lalu Allah SWT mengilhamkan kefasikan dan ketakwaan ke dalam jiwa/diri manusia. Imam Al-Qurthubi (Mahmud Hamid, 1994) mengatakan bahawa sebahagian ulama mengertikan kata ‘*nafs*’ sebagai Nabi Adam AS, namun sebahagian yang lain mengertikannya secara umum, iaitu jati diri manusia itu sendiri.

Menurut Ibn ‘Asyur (1984), kata ‘*nafs*’ dalam ayat berbentuk *nakirah* (tanpa *alif lam ta’rif*), ini menunjukkan nama jenis, sehingga mencakupi jati diri seluruh manusia. Hal ini senada dengan penggunaan kata yang sama secara *nakirah* dalam ayat 5 surah al-Infithar, ayat 5:

Maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan yang dilalaikannya.

Ayat ini menjelaskan bahawa rohani atau spiritual itu wujud dalam kehidupan setiap manusia, Melalui nilai spiritual juga akan menentukan jatuh dan bangun peribadi seseorang insan, struktur masyarakat dan pembangunan negara. Oleh itu spiritual memerlukan kepada pembersihan dan kawalan serta panduan untuk menuju jalan yang betul dan arah yang sebenar bagi mencapai matlamat pembangunan.

Program Pembangunan Kerohanian LZS menurut Ketua Pembangunan Asnaf LZS, Dr. Hajah Adibah Abd. Wahab (Temubual, 2 Mac 2021) diwujudkan khusus untuk memperkasakan aspek penghayatan agama golongan asnaf fakir dan miskin melalui program

islah dan keagamaan. Ia secara tidak langsung mendidik asnaf ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi. Ini selaras dengan dimensi pembangunan Islam agar melalui aspek kerohanian ini akan membawa manusia mencapai kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan di akhirat sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 201 yang bermaksud:

“Dan di antara mereka ada yang berdoa, Ya Tuhan Kami,
berilah kami kebaikan di dunia dan di akhirat, dan
lindungilah kami dari azab neraka”

Melalui program-program kerohanian tersebut DPA (LZS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang menghambakan diri kepada Tuhan-Nya. Setiap program ini memberikan keutamaan kepada tiga asnaf utama iaitu asnaf fakir, miskin dan mualaf.

Kajian Emie (2021) tentang program latihan mendapati LZS memberi penekanan kepada aspek pembangunan spiritual dalam pembangunan rohani golongan asnaf fakir miskin terlebih dahulu sebelum aspek material dibangunkan. Menurut beliau antara bentuk program kerohanian yang dilaksanakan oleh LZS ialah Program Islah, Tahsinul Ibadah/Qira'at, Pelajar Cemerlang Generasi Gemilang, Keluarga Bahagian Anak Cemerlang, Syukur Asnaf, Hijrahku, Budi dan lain-lain dalam rangka meningkatkan tahap kerohanian asnaf fakir miskin agar mereka menjadi hamba Allah yang bersyukur. Program-program ini dirangkumkan dalam satu modul khusus yang disebut sebagai Program Khas Modul J.I.W.A (Jati Diri, Ilmu, Wawasan, Akidah). Bagi menjayakan kerohanian, DPA, LZS telah memilih masjid tertentu dengan setiap masjid akan menjalankan pelbagai pengisian dalam memperkuuhkan kerohanian golongan asnaf fakir miskin. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti tahsin solat dan kursus pengurusan jenazah, program motivasi dan kursus Keluarga Saadah. Contoh masjid terpilih untuk program islah dan kerohanian ialah Masjid Jamiul Muhammadiyah, Kampung Kuantan,

Kuala Selangor, Masjid Nurul Ehsan Taman Medan, Masjid Taman Putra Perdana Puchong, Masjid Darul Muttaqin, Sungai Udang, Klang dan lain-lain.

Bagi setiap program, pemantauan terhadap perjalanan aktiviti dilaksanakan oleh LZS. Malah masjid perlu menghantar laporan kepada LZS (bawa sumber rujukan LZS/MAIS). Program Pembangunan Kerohanian ini memberi kesan positif apabila ramai golongan sasaran semakin dekat dengan masjid. Melalui program ini, golongan asnaf bukan saja mendekatkan mereka dengan masjid tetapi meningkatkan keyakinan golongan ini untuk bermasyarakat. Malah ada antara mereka memberi khidmat kembali kepada masyarakat (Nurhisham, temu bual, 2 Mac 2021)

3. Pembangunan Kerjaya

Program Pembangunan Kerjaya ditumpukan kepada anak-anak asnaf fakir dan miskin. LZS melalui DPA, melaksanakan program-program kerjaya yang dapat mendedahkan pada generasi kedua dalam kalangan asnaf fakir dan miskin tentang kerjaya yang boleh membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi lain ini memberi peluang kepada belia di Negeri Selangor. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa LZS telah melaksanakan program Pembangunan Kerjaya untuk asnaf fakir miskin seperti berikut:

- a) Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan Karnival Penjana Kerjaya bagi tujuan pembangunan kerjaya anak-anak asnaf. Melalui program kerjaya ini mereka berpeluang memilih majikan yang sesuai dengan kehendak dan bakat. Ia bermotifkan menarik ramai anak muda dan belia dalam kalangan anak asnaf atau generasi kedua untuk lebih berjaya dalam kehidupan dan dapat keluar dari kepompong kemiskinan (Selangorkini, 2021)
- b) LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) sebagai suatu platform membina jaringan perniagaan serta medium perbincangan dan pertukaran maklumat sesama peserta supaya mereka tidak bersendirian dan mampu

- menongkah arus cabaran dalam dunia perniagaan secara bersama-sama. Jalinan kerjasama turut diwujudkan dengan agensi-agensi tertentu seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dalam usaha mempelbagaikan lagi ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh usahawan asnaf (skillsjohor.edu.my, 2019)
- c) Lembaga Zakat Selangor juga mengadakan jalinan kerjasama dengan Skills Johor dalam program kebolehpasaran dan pembangunan belia asnaf Selangor. Program Latih Kerja Belia Selangor (PLKBS) merupakan inisiatif bersepadu LZS untuk terus memperkasa ekonomi belia asnaf Selangor menerusi program latihan intensif dengan objektif menyediakan platform pembangunan kerjaya seterusnya peluang pekerjaan dalam rangkaian industri perkhidmatan, peruncitan dan hospitaliti. Belia asnaf Selangor yang menepati syarat yang telah ditetapkan untuk menyertai program ini bagi menambah mata pencarian keluarga seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka. Sepanjang program tersebut berlangsung, mereka telah dididik dan dilatih berdasarkan modul kemahiran teknikal dan insaniah yang terkini dan berkesan daripada Skills Johor (skillsjohor.edu.my, 2019).
- d) Program latihan lain ialah MySkill. Ia adalah merupakan sebuah pilot program kerjasama pintar diantara CIDB Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor yang menyediakan tajaan penuh untuk mengikuti latihan kemahiran kompetensi. Program ini bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir yang berkualiti dan kompeten di dalam industri melalui latihan kemahiran kompetensi yang jitu dan seterusnya mengiktirafkan kumpulan sasaran dengan persijilan kompeten. Ini sekaligus, dapat meningkatkan nilai profesionalisme dan efisiensi di tapak bina. Mereka yang terdiri daripada anak-anak asnaf dan fakir miskin yang berdaftar di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang berumur 18 tahun sehingga 25 tahun dan memenuhi syarat tertentu (skillsjohor.edu.my, 2019)
- e) LZS juga menghantar asnaf sebagai peserta program yang akan menjalani latihan kemahiran di Akademi Binaan

Malaysia (ABM). Durasi latihan kemahiran adalah bergantung kepada keperluan kursus yang menjadi pilihan. Semasa pelatih menjalani latihan kemahiran, aktiviti kerohanian & kepimpinan akan diselitkan bagi membentuk sahsiah dan jati diri pelatih. Di akhir latihan kemahiran, pelatih akan diberikan ujian penilaian kompetensi kemahiran bagi memastikan tahap kebersediaan pelatih sebelum diberi penempatan kerja yang bersesuaian dengan tren pelatih bersama pemain industri utama di Malaysia (skillsjohor.edu.my, 2019)

Melalui program latihan tersebut yang memberi fokus kepada pembangunan material dan rohani, Dr.Hajah Adibah (temu bual, 2 Mac 2021) menyatakan bahawa terdapat golongan asnaf yang telah menjadi usahawan berjaya, seterusnya memberikan *qudwah hasanah* pada asnaf yang lain. Tahap keberkesanan paling tinggi apabila, golongan asnaf ini dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan berupaya menjadi pembayar zakat yang konsisten. Dalam istilah feqah mereka ini disebut sebagai golongan yang berpindah dari status *Mustabiq* kepada *Muzakki* iaitu daripada seorang penerima zakat kepada menjadi seorang pembayar zakat. Dengan itu, asnaf dapat mandiri iaitu mampu berdikari untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Program pembangunan asnaf LZS ini bermatlamat melahirkan golongan asnaf yang mampu keluar dari kepompong kemiskinan di samping mengandungi elemen-elemen tarbiyyah atau pendidikan. Nilai-nilai yang diterap dalam latihan seperti berkeyakinan diri, berdaya usaha, mampu berdiri dengan kemampuan diri dan berilmu menjadi pendorong melahirkan asnaf yang sejahtera dan sempurna kehidupannya. Pemilihan asnaf menyertai program latihan yang dianjurkan LZS ini adalah berkisar kepada asnaf yang mempunyai kemampuan kewangan yang terhad untuk menampung keluarga yang besar, ketidakmampuan untuk bekerja selepas menghadapi kemalangan, kehilangan sumber nafkah (suami) sebagai sumber pendapatan utama dan ketidaaan pekerjaan yang tetap dan stabil bagi menyara keluarga. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa peranan institusi zakat seperti LZS dalam program pembangunan asnaf melalui latihan adalah bersifat sepadu yang menggabungkan

aspek pembangunan material dan rohani. Kedua-dua gabungan ini berperanan penting dalam membina dan melahirkan umat Islam sebagai ‘*khayra ummah*’ (umat terbaik, (Q, Ali ‘Imran, 3:110) dan ‘*ummatan wasatan*’ (umat wasatiyyah, Q, Al-Baqarah, 2:148) yang akan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (*sa’adah fi al-darain*).

KESIMPULAN

Pembangunan diri asnaf, khususnya fakir dan miskin mempunyai impak dan pengaruh yang penting kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Pembangunan ini antara lain ditentukan oleh faktor latihan yang sistematik dan berterusan bagi mengeluarkan asnaf dari kepompong kefakiran dan kemiskinan. LZS melalui DPA telah memberi fokus latihan yang holistik meliputi aspek pembinaan material dan kerohanian golongan asnaf fakir miskin di Selangor. Program pembangunan ekonomi, program pembangunan kerohanian dan program pembangunan kerjaya bertujuan melahirkan asnaf yang bukan sahaja sejahtera dari sudut pencapaian kehidupan dunia, tetapi juga bermatlamatkan pencapaian kebahagiaan di akhirat.

Rujukan

- Abdullah M. Basameh (1987). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Adibah Abd Wahab. (2021). Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Lembaga Zakat Selangor. *Temubual*, 2 Mac.
- Al-Bukhari, (Abi Abdillah Muhammad ibnu Ismāīl. Tanpa Tahun. AlBukhori. Bairut: Dāru al-Kitāb al-Islāmi)
- Emie Sylviana Binti Mohd.Zahid & Mastura Razali. (2021). Peranan Lembaga Zakat Selangor Terhadap Pembangunan Insan Dalam kalangan Asnaf fakir Dan Miskin. *GJAT, Special issue* 1(57): 1-15.
- Ibnu Asyur (Muhammad al-Tāhir ibn Muhammad ibn Muhammad al-Tāhir ibn ‘Āshūr, *Tafsir al-Tahrir wa'l-Tanwir*.
- Mastura Ahmad &Mohd Shahril Ahmad Razimi.(2018). *Training Based Organization Approach From Islamic Perspective. Iokonomika, Journal of Islamic Economics and Business*, Vol3(1):35-42.

- M. Syukri Salleh. (1990) kajian Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam. ISDEV: USM.
- Laman Web Skillsjohor.edu.my .(2019). PROGRAM LATIH & KERJA BELIA ASNAF SELANGOR, dilayari pada 2 Jun 2021.
- Muhammadhusnee Yanya, Asyraf Ab Rahman, Daud Ismail, Abdulsoma Thoralim. (2018). Konsep Pertandingan Sukan Tradisional Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah Di Selatan Thailand. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 16 (1): 69-82.
- Nurhisham Bin Shamsir. (2021). Timbalan Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor. *Temubual*, 2 Mac.
- Laman Web Selangorkini, (2021) <https://selangorkini.my/2021/04/lebih-500-peluang-kerja-menanti-asnaf-selangor/> Lebih 500 peluang kerja menanti asnaf Selangor, dilayari pada 2 Jun 2021.
- Syed Naquib Al-Attas. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Zafir Mohd Makbul .(2002). Correlation Analysis Between Economics and Stress at the Workplace. *International Business Management*, 6 (6): 648-651.